

Keganasan mungkin bertambah jika Palestin ditindas lebih kejam

UM 2 1 JUN 2002

KUALA LUMPUR 20 Jun — Kemungkinan keganasan berlaku semakin bertambah kerana Israel, yang menindas Palestin, mengambil kesempatan daripada perang melawan keganasan untuk bertindak lebih ganas terhadap rakyat Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, berpendapat keganasan boleh dihentikan dengan tahap keganasan lebih dahsyat terhadap pihak yang kononnya melahirkan penganas.

“Lebih kejam dan ganas serangan Israel ke atas rakyat Palestin, lebih marah dan lebih naik angin bukan sahaja orang Palestin tetapi semua orang Islam,” katanya.

Oleh itu lebih sukarlah untuk mencari penyelesaian bagi masalah Israel serta lebih sukar lagi untuk menamatkan keganasan, katanya yang juga Presiden UMNO semasa menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

“Kini sudah ada puak-puak di kalangan orang Palestin dan Islam yang tidak lagi sanggup berdamai dengan Israel.

“Mereka ingin meneruskan keganasan sebagai cara membalas dendam. Mereka tidak peduli akan tindak balas Israel, walau bagaimanapun kejam sekali pun,” katanya.

Tidak syak lagi sebab utama keganasan dilakukan oleh penganas Islam ialah kemarahan terhadap Israel, rampasan wilayah Palestin oleh kuasa Barat untuk menubuh Israel, pengusiran keluar orang Palestin dari wilayah mereka serta pelbagai lagi bentuk kezaliman yang terpaksa dilalui oleh rakyat Palestin.

Perdana Menteri menegaskan Sharon perlu faham dan penyokongnya di dalam dan luar negara juga harus faham bahawa mengganas lebih daripada keganasan penganas bukan cara untuk menyelamatkan Israel.

Jika pendekatan Israel yang sia-sia itu tidak dihentikan segera, Dr. Mahathir khuatir sesiapa sahaja daripada mana-mana bangsa yang menyokong Israel akan menjadi sasaran serangan penganas.

“Tidak mungkin pengawal keselamatan diadakan bagi setiap orang apabila mereka ke sana-sini di seluruh dunia menjalankan urusan mereka,” katanya sambil menegaskan Israel harus ingat bahawa ia berada di tengah-tengah negara Arab dan Islam.

Jika Israel dapat membunuh semua enam juta rakyat Palestin pun, katanya, tidak ada jaminan orang Islam dan orang Arab dari negara-negara di sekeliling Israel tidak akan mengganas seperti rakyat Palestin yang berani mati.

“Ingatlah bahawa yang menyerang pada 11 September bukan rakyat Palestin. Mereka adalah dari negara-negara Islam yang di sekeliling Israel. Dan, tidak mungkin Israel dapat membunuh 1,300 juta orang Islam untuk menyelamatkan dirinya,” katanya.

Lebih daripada itu, Dr. Mahathir mengingatkan bahawa berperang dengan penganas tidak semudah seperti perang biasa kerana penganas bukan pemerintah yang bertanggungjawab terhadap kalah menang sesebuah negara.

“Mereka boleh berada di mana sahaja. Mereka boleh menjadi orang biasa di satu hari dan menjadi penganas pada esoknya.

“Mereka bukan askar yang bertindak secara teratur dan mengikut arahan. Kehilangan ketua tidak semestinya menghentikan keganasan mereka,” jelas beliau.

Sehubungan itu Dr. Mahathir menegaskan kuasa-kuasa besar perlu menangani segera masalah Palestin kerana punca terbesar keganasan ialah Israel yang menguasai secara ganas wilayah Palestin.

“Kuasa-kuasa besar perlu tangani masalah ini dan menyelesaikannya jika mereka ingin menamatkan sebahagian besar keganasan dan dunia dibebaskan daripada ketakutan,” kata Perdana Menteri.

Keganasan, katanya lagi, hanya boleh ditamatkan apabila mereka yang mengganas mendapati tiada lagi sebab untuk berbuat demikian.

“Oleh itu tentukanlah sebab mereka mengganas dan hapuskanlah sebab itu,” tegasnya sambil menyatakan tidak ada manusia yang sanggup mengorbankan nyawanya terutama meletupkan dirinya tanpa sebab.

Orang Islam termasuk orang Arab bukanlah degil dan ketegar secara membuta tuli malahan mereka sanggup mengiktiraf Israel jika rejim itu menghentikan keganasan serta kembali ke wilayah asalnya.

Tambahnya, kezaliman dan penindasan Israel ke atas Palestin dan rakyatnya hendaklah dihentikan dengan segera terlebih dahulu manakala Wilayah Palestin perlu dikembalikan kepada rakyat Palestin.